

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dato' Johari Bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) berapa jumlah pegganas dan penculik yang terlibat dalam kegiatan penculikan di kawasan ESSZONE yang telah ditahan dan sedang diambil tindakan undang-undang; dan
- (b) adakah sebab utama pembolosan pegganas / penculik di kawasan ini disebabkan tidak berkesannya kegiatan perisikan oleh PDRM, ATM dan APMM.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data statistik yang diterima daripada Urus Setia Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia, seramai 207 orang pengganas dan penculik di kawasan ESSZONE telah ditangkap sejak dari Mac 2013 sehingga Oktober 2014. Daripada jumlah tersebut, 71 orang yang telah didakwa di mahkamah, 79 orang telah dibebaskan tanpa syarat dan 2 orang telah dibebaskan dengan jaminan polis.
  
- (b) Bahagian Perisikan Keselamatan dan Pertahanan ESSCOM sentiasa melaksanakan tugas-tugas risikan sebagaimana yang diamanahkan mengikut Peraturan-Peraturan Operasi yang telah ditetapkan bagi memastikan keselamatan kawasan ESSZONE dalam keadaan selamat. Walau bagaimanapun, keadaan geografi di kawasan pesisiran pantai ESSZONE dengan keluasan sebesar 1,733.7 KM menjadi cabaran besar kepada pasukan keselamatan negara dalam menentukan pergerakan musuh di kawasan tersebut. Kedudukan geografi kawasan Pantai Timur Sabah yang sangat hampir dengan kawasan selatan Filipina yang jenayah rentas sempadan untuk bolos dengan cepat kerana perjalanan ke sempadan negara mengambil masa yang singkat untuk sampai ke Filipina. ESSCOM bersama semua agensi keselamatan dan

penguatkuasaan (ATM, PDRM dan APMM) yang beroperasi di Pantai Timur Sabah akan cuba untuk mengatasi semua kekangan yang ada dan akan meningkatkan kawalan keselamatan di kawasan tersebut. Adalah diharapkan peningkatan ini bukan sahaja akan memastikan tahap keselamatan di kawasan tersebut lebih terjamin malah ianya juga akan memastikan negara akan sentiasa bebas dari sebarang bentuk pencerobohan asing.

Sekian. Terima kasih.